

Dr. Mahathir masuk ICU sesak nafas

Um - 15/5/2007

LANGKAWI 14 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Langkawi selepas mengadu mengalami sesak nafas ketika bercuti di Langkasuka Beach Resort di sini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Dr. Hasnah Ismail berkata, bekas Perdana Menteri itu masih menerima rawatan di hospital tersebut dan keadaannya dilaporkan stabil.

"Beliau menerima rawatan di Jabatan Kecemasan dan seterusnya dimasukkan ke ICU untuk rawatan lanjut oleh doktor pakar," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hospital itu lewat petang ini.

Beliau memberitahu, Dr. Mahathir, 81, datang sendiri ke Hospital Langkawi bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pada pukul 4.15 petang untuk mendapatkan rawatan selepas menghadapi masalah sesak nafas.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu yang datang dengan kenderaan sendiri turut diiringi doktor peribadinya, Dr. Na-

sir Muda.

Atas nasihat pegawai perubatan, kata Dr. Hasnah, hanya keluarga terdekat dibenarkan melawat bekas Perdana Menteri itu.

Dr. Mahathir tiba di pulau ini pada pukul 11 pagi ini dan beliau dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur petang esok.

Mereka berdua sebelum itu menghadiri majlis perjumpaan dengan rakan-rakan bekas pelajar "Class of 47" King Edward College of Medicine, Singapura di Bukit Merah, Perak.

Menurut pembantu peribadinya, Dr. Mahathir pagi ini sempat meninjau kandang kuda dan masih sihat ketika menikmati makan tengah hari hidangan Teppanyaki.

Bagaimanapun, beliau mula mengadu sukar bernafas tidak lama selepas itu.

Kira-kira 50 kenalan bekas Perdana Menteri itu termasuk Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Bakar Taib, pelayar solo negara, Datuk Azhar Mansor dan perenang Datuk Malik Mydin dilihat menunggu di luar wad ICU hospital itu.

Bekas Perdana Menteri itu sebelum ini pernah dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) beberapa kali kerana masalah jantung.

Sementara itu, Datuk Mukhriz Mahathir ketika ditemui pemberita memberitahu, keadaan terkini bapanya pada pukul 11.20 malam ini semakin stabil.

"Bapa saya juga sudah sedar dan meminta minuman ketika kami berjumpa dengannya," kata Mukhriz.

Menurut beliau, semua adik-beradiknya berada di hospital itu kecuali Datuk Mokhzani yang berada di luar negara.

Beliau menambah, doktor sedang mengawasi keadaan Dr. Mahathir dan jika keadaannya lebih baik, beliau akan dipindahkan ke Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, beliau tidak tahu bila bapanya boleh dikeluarkan dari wad kecemasan tersebut.

Kata Mukhriz, doktor yang merawat bapanya telah memberikan oksigen, sedikit sedatif dan rawatan itu dapat menstabilkan keadaan bapanya.